

**PEJABAT KETUA AUDIT NEGARA  
JALAN CENDERASARI  
50518 KUALA LUMPUR**

---

Ruj : AUDIT/656/3 (2)

Tarikh : 14 Februari 1996

Timbalan Ketua Audit Negara  
Penolong Ketua Audit Negara (Persekutuan)  
Penolong Ketua Audit Negara (Negeri)  
Pengarah-Pengarah Audit  
Ketua-Ketua Bahagian  
Ketua-Ketua Cawangan Audit

Tuan/Puan,

**PEKELILING KETUA AUDIT NEGARA BIL. 2 TAHUN 1996**

**- Format Surat Pemerhatian Audit**

Mengikut amalan Jabatan Audit masakini, soalan-soalan dan pemerhatian-pemerhatian audit yang dibangkitkan kepada Jabatan-Jabatan/Agenzia-Agenzia untuk mendapat jawapan dan ulasannya disampaikan dalam surat dan format yang tidak seragam. Ini menyukarkan Jabatan untuk mengesan samada setiap isu yang dibangkitkan itu diberi jawapan/ulasan seperti yang dikehendaki.

2. Bagi menentukan samada setiap isu yang dibangkitkan di dalam sesuatu surat pemerhatian audit diberikan jawapan yang sewajarnya, surat-surat pemerhatian audit hendaklah disediakan mengikut format di **Lampiran 'A'** dalam tiga salinan seperti berikut :-

- Salinan yang pertama disimpan di dalam fail Jabatan Audit Negara**
  - Dua salinan dihantar kepada agensi yang diaudit. Pihak agensi yang berkenaan dikehendaki memberikan jawapan atau ulasan mereka di ruangan yang telah disediakan dan mengembalikan satu salinan kepada Jabatan Audit Negara.**
3. Sehubungan dengan ini, Cawangan-Cawangan Audit adalah dikehendaki menyelenggarakan **Daftar Pengesahan Pemerhatian Audit** untuk mengesan samada setiap isu yang dibangkitkan telah diberikan jawapan atau ulasan yang sewajarnya mengikut format yang disediakan di **Lampiran 'B'**.

Yang benar,



**( DATO' HJ. MOHD. KHALIL B. DATO' HJ. MOHD. NOOR )**

Ketua Audit Negara  
Malaysia